

1. *Apakah Agihan Lebihan?*

Sumbangan Takaful Am anda didermakan ke dalam dana yang dikenali sebagai Dana Risiko Am (GRF). Tuntutan dibayar daripada GRF, manakala untung-rugi pelaburan juga dikreditkan kepada GRF.

Lebihan semasa pada tahun kewangan tersebut, jika GRF mempunyai rekod baki positif setelah pembayaran tuntutan dan peruntukan untuk rizab. Sebahagian daripada lebihan yang diagihkan kepada peserta dalam bentuk Agihan Lebihan. Agihan Lebihan adalah pemberian sukarela daripada Syarikat.

2. *Adakah Agihan Lebihan diberi untuk semua pelan Takaful IKHLAS?*

Agihan Lebihan diberikan kepada peserta yang menyertai pelan Takaful Am sahaja.

3. *Adakah saya layak untuk menerima Agihan Lebihan?*

Takaful IKHLAS menawarkan Agihan Lebihan kepada peserta yang layak sekiranya tiada sebarang tuntutan difailkan dalam tempoh perlindungan kepada semua peserta produk Takaful Am.

4. *Berapakah jumlah Agihan Lebihan yang saya terima?*

Jumlah Agihan Lebihan yang akan diterima adalah bergantung kepada kadar sumbangan asas. Untuk maklumat lanjut sila hubungi pusat panggilan pelanggan kami ditalian 03-2723 9696.

5. *Bagaimanakah Agihan Lebihan ini akan diberikan kepada peserta?*

Selaras dengan mekanisme e-pembayaran, pembayaran Agihan Lebihan anda akan dikreditkan ke dalam akaun bank yang diberikan.

6. *Jika saya telah membuat tuntutan terhadap sijil Takaful Am saya, adakah layak menerima Agihan Lebihan?*

Tidak, untuk makluman Agihan Lebihan hanya layak diberikan sekiranya tiada sebarang tuntutan difailkan dalam tempoh perlindungan kepada semua peserta produk Takaful Am.

7. *Bilakah saya akan terima bayaran Agihan Lebihan tersebut?*

Bayaran Agihan Lebihan (jika ada) akan dibayar selepas berakhir tahun kewangan berdasarkan tamat tempoh sijil anda serta telah mendapat persetujuan daripada pihak pengurusan syarikat.

8. *Bolehkah saya menggunakan Agihan Lebihan saya untuk mengurangkan bayaran sumbangan pembaharuan sijil?*

Peserta adalah berhak memutuskan cara terbaik bagi pengurusan kewangan. Oleh yang demikian, mekanisme pengagihan lebihan dibuat secara berasingan daripada proses sumbangan pembaharuan.

9. Bolehkah Syarikat menarik balik Agihan Lebihan yang telah diisytiharkan pada sijil saya?

Tidak.

10. Jika saya membatalkan sijil saya atas sebab tertentu, adakah saya layak untuk Agihan Lebihan?

Jika anda menyerahkan sijil anda sebelum tamat tempoh kontrak, anda adalah tidak layak untuk Agihan Lebihan.

11. Jika tempoh sijil saya kurang daripada 12 bulan, bagaimanakah Agihan Lebihan saya akan terjejas?

Jika sijil anda yang secara kontraknya berkuatkuasa untuk tempoh yang kurang daripada 12 bulan, ia masih layak untuk pengagihan lebihan, berdasarkan sumbangan pro-rata.

12. Jika sijil saya lebih panjang daripada 12 bulan, bagaimanakah Agihan Lebihan saya akan terjejas?

Jika sijil anda adalah berkuat kuasa untuk tempoh yang lebih daripada 12 bulan, ia akan layak untuk Agihan Lebihan pada tahun kewangan yang berkaitan di mana sijil masih berkuat kuasa.

13. Saya telah membuat perubahan, menyebabkan sumbangan tambahan dibayar, adakah akan dipertimbangkan untuk pembayaran Agihan Lebihan?

Sumbangan tambahan anda juga akan dimasukkan dalam penentuan pengiraan Agihan Lebihan.

14. Saya telah membuat perubahan/endorsmen yang telah menyebabkan pembayaran balik sebahagian sumbangan berlaku, bagaimana ini akan memberi kesan kepada Agihan Lebihan saya?

Pengurangan sumbangan yang timbul daripada perubahan/pengendorsan akan mengurangkan jumlah sumbangan yang diambilkira dalam menentukan Agihan Lebihan anda.

15. Adakah sebarang pemberitahuan kepada Peserta mengenai Agihan Lebihan?

Ya, kami akan memaklumkan peserta yang layak melalui pelbagai cara. Maklumat tersebut boleh diperolehi melalui laman web kami, Pusat Panggilan dan Ejen Takaful Am kami.